

aab

Mahathir-SAPP

PELUANG SAPP SERTAI BN CERAH, KATA MAHATHIR

KUCHING, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata peluang Parti Maju Sabah (SAPP) menjadi anggota komponen Barisan Nasional (BN) sangat cerah.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata setakat ini belum ada mana-mana parti komponen BN yang menolak permohonan SAPP menyertainya.

Menurutnya, beliau percaya permohonan mereka akan diterima dan soalnya sekarang ialah cara penglibatan parti itu dalam pilihan raya negeri Sabah pada 18 Feb dan 19 Feb ini, iaitu sama ada SAPP akan bertanding mewakili BN atau atas tiketnya sendiri.

Perkara itu akan ditentukan apabila saya berada di Sabah, katanya kepada pemberita sebelum berlepas ke Kota Kinabalu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di sini.

Beliau berkata surat SAPP (untuk menyertai BN) telah dikemukakan kepadanya dan beliau telah menyatakan bahawa beliau tiada tentangan dan terpulang kepada anggota komponen yang lain (untuk menentukannya).

Beliau akan memutuskan perkara itu selepas berunding dengan anggota komponen BN esok, katanya. -- Lagi

▼31/01/11-56MST

CNS5804

U GB 31-01 00151 BH646

aab

Mahathir-SAPP 2 Kuching

Dr Mahathir berkata penyertaan SAPP dapat mengukuhkan BN Sabah dan setakat yang dapat dimaklumkan, SAPP mendapat sokongan rakyat keturunan Cina di negeri itu.

Mengenai kemungkinan SAPP keluar daripada BN selepas beberapa ketika seperti yang berlaku apabila PBS keluar daripada BN beberapa hari sebelum pilihan raya umum 1990, beliau berkata perkara itu di luar bidang jangkauan manusia dan berharap "pisang tidak berbuah dua kali".

"Setakat yang boleh dilakukan, kita kena bergantung kepada kepercayaan dan perlu mempercayai orang lain," katanya.

Selain itu, beliau berkata ada bukti menunjukkan bahawa ada pemimpin di Sabah yang menggunakan kuasa untuk menambah kekayaan diri sendiri sehingga tidak memberikan tumpuan kepada pembangunan negeri itu.

Sebab itu, walaupun Sabah sebuah negeri yang kaya, pembangunannya begitu tertinggal, katanya.

Menurutnya, beliau tidak dapat membuat kenyataan terbuka kerana perkara itu tertakluk kepada Akta Fitnah. -- Lagi

▼31/01/11-58MST

CNS5805

U GB 31-01 00100 BH647

aab

Mahathir-SAPP 3 (Akhir) Kuching

Dr Mahathir berkata, Malaysia berharap Australia dapat memberikan lebih banyak maklumat mengenai dakwaan bahawa Perkhidmatan Perisikan Sulit Australia (ASIS) memberi sogokan kepada pemimpin parti pembangkang di negara ini.

Menurutnya, oleh kerana perkara itu ditimbulkan oleh agen ASIS sendiri, kemungkinan hanya ada kebenaran dan ia amat merosakkan kepada Australia.

Mengenai pelancongan di Sarawak, beliau mencadangkan supaya sungai-sungai yang banyak di negeri ini digunakan sebagai daya tarikan pelancong.

Sungai-sungai di negeri ini boleh digunakan seperti untuk pelayaran mewah dan pengembaraan, katanya. -- Bernama

AHM AKD